

MEDIA STATEMENT

For Immediate Release

IDEAS: US Pact Undercuts Malaysia's Regional Partnerships and Neutrality while Delivering Little Reassurance for Businesses

Kuala Lumpur, 31 October 2025: The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is concerned about both the outcomes and process surrounding the recently signed Agreement Between the United States and Malaysia on Reciprocal Trade (ART). The agreement may be framed as a partnership of equals but compels only Malaysia to make substantive policy commitments while reserving full flexibility for the United States' trade policy.

The agreement is the latest affirmation of the Trump administration's power politics and its assault on international trade policies and governance that are designed to promote economic development. It includes tariffs that face legal challenges in the United States and lacks the sophisticated provisions and safeguards through which modern treaties facilitate trade between trusted partners. For example, there are no dispute settlement provisions, and a sweeping clause reserves the right to impose future trade remedies. The unusually fast and opaque negotiation process also sets an unwelcome precedent that raises questions on whether the short- and long-term impacts were properly assessed.

The ART is also a worrying departure from trade policies developed to advance mutually beneficial economic prosperity. Malaysia has long benefited from open trade and investment and foreign policy based on ASEAN centrality and non-alignment. The agreement raises serious questions about economic and foreign policy continuity by explicitly tying Malaysia's trade and investment policies to the United States' strategic interests. Malaysia is required to impose equivalent restrictions on third countries targeted by the United States for national security reasons, which most immediately threaten supply chains that include China. It is also required to impose remedial measures on Malaysia-based businesses owned by third countries whose activities harm the competitiveness of United States businesses in Malaysia or the United States.

Malaysia has undoubtedly gained some political goodwill with the Trump administration through concluding the ART, at least temporarily tempering the threat of further targeting. While the agreement provides no certainty surrounding future tariff policies, policymakers are counting on this goodwill to translate into preferential treatment under future punitive tariffs, particularly on semiconductors.

Conversely, the agreement constrains Malaysia's capacity to forge wider trade partnerships. It ties future trade and investment policies to America's strategic interests and guarantees equivalent trade policy treatment for the United States in future industries such as digital services. While Malaysia was not alone in pursuing a bilateral deal with Washington, doing so prioritised individual over collective interest and diverted diplomatic resources away from securing deeper partnerships with countries that are more closely aligned with Malaysia's economic development interests. Malaysia's otherwise strong leadership of ASEAN this year was dented by a deal that undermines ASEAN centrality and hurts regional partners that lack the platform and resources to secure their own deals, or have chosen to walk away from similarly lopsided agreements.

Another concerning aspect of the agreement is that it embeds deep and binding alignment with the United States' administrative systems at a time when they face irreparable damage. Malaysia is required to accept US Food and Drug Administration (FDA) and related approvals for pharmaceuticals, medical devices and certain foods, while also recognising US Department of

Agriculture (USDA) and private certifiers for halal and food-safety systems. While such measures would ordinarily be welcomed for speeding up imports, the ongoing government shutdown in the United States and the Trump administration's assault on government and legal institutions raise serious doubts as to their reliability as gatekeepers for the food, medical, and religious interests and safety of Malaysians.

Notably, potentially positive regulatory streamlining is occurring only under external pressure, not through cooperation with friendly nations. In addition to mutual recognition of the above standards, the ART incorporates provisions around good regulatory practices, state-owned enterprise competitiveness, labour rights and environmental protection that bring Malaysia into greater alignment with global best practices. There is some hope that the ART provides precedent for wider adoption with ASEAN and other partner countries.

Finally, while market access provisions such as tariff rates dominate the headlines, they provide Malaysia with little reason to celebrate. Malaysia removed tariffs on US imports, but there were few to begin with, with greater concessions made in other aspects of the agreement. The concessions have enshrined a 19% tariff rate on a substantial range of goods exports that faced no tariffs before Trump took office. This includes the goods celebrated as being zero-rated under the ART. Moreover, there is no guarantee that market access commitments will remain as agreed for Malaysian businesses — should a future tariff on semiconductors apply to Malaysia, it would wipe out any perceived gains from the ART.

“Ultimately, the agreement has not been subject to public accountability processes, undermines Malaysia's regional and global economic interests, and ties Malaysia's economic policies to the United States' strategic interests while validating a 19% tariff on most Malaysian exports,” said Dr Stewart Nixon, Deputy Director of Research at IDEAS.

[END]

For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Assistant Manager, Advocacy and Events

ryannesh@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information,

visit www.ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

IDEAS: Perjanjian AS-Malaysia Jejas Perkongsian Serantau dan Sikap Berkecuali Malaysia, Gagal Beri Jaminan kepada Sektor Perniagaan

Kuala Lumpur, 31 Oktober 2025: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) bimbang terhadap hasil serta proses di sebalik Perjanjian Perdagangan Timbal Balik (ART) antara Amerika Syarikat dan Malaysia yang baru sahaja dimeterai. Walaupun perjanjian ini digambarkan sebagai kerjasama antara dua negara rakan yang setara, ia sebenarnya mewajibkan hanya Malaysia membuat komitmen dasar yang substantif, sementara Amerika Syarikat mengekalkan sepenuhnya keanjalan dalam dasar perdagangannya.

Perjanjian ini menandakan satu lagi manifestasi politik kuasa pentadbiran Trump serta serangan terhadap dasar dan tadbir urus perdagangan antarabangsa yang sebelum ini dibangunkan bagi memacu pembangunan ekonomi. Ia merangkumi tarif yang kini berdepan cabaran undang-undang di Amerika Syarikat, dan tidak mengandungi peruntukan serta perlindungan tahap tinggi yang lazimnya terdapat dalam perjanjian moden antara rakan dagang yang dipercayai. Sebagai contoh, tiada mekanisme penyelesaian pertikaian disertakan, manakala satu klausa luas memberi hak kepada Amerika Syarikat untuk mengenakan langkah perlindungan perdagangan pada masa hadapan. Proses rundingan yang luar biasa pantas dan tidak telus juga menetapkan duluan yang tidak sihat, menimbulkan persoalan sama ada kesan jangka pendek dan panjangnya telah dinilai dengan sewajarnya.

ART turut menandakan penyimpangan membimbangkan daripada dasar perdagangan yang lazimnya dibentuk bagi mencapai kemakmuran ekonomi bersama. Malaysia selama ini mendapat manfaat daripada perdagangan dan pelaburan terbuka serta dasar luar berasaskan pemusatan ASEAN dan sikap berkecuali. Perjanjian ini menimbulkan persoalan besar tentang kesinambungan dasar ekonomi dan luar negara kerana ia secara jelas mengikat dasar perdagangan dan pelaburan Malaysia kepada kepentingan strategik Amerika Syarikat. Malaysia diwajibkan mengenakan sekatan setara terhadap negara ketiga yang disasarkan oleh Amerika atas alasan keselamatan negara, yang secara langsung mengancam rantai bekalan melibatkan China. Malaysia juga perlu mengambil tindakan perlindungan terhadap perniagaan berpangkalan di Malaysia milik negara ketiga sekiranya aktiviti mereka menjejaskan daya saing perniagaan Amerika Syarikat di Malaysia atau di Amerika Syarikat sendiri.

Malaysia sememangnya memperoleh sedikit keistimewaan politik dengan pentadbiran Trump melalui pemeteraian ART ini, sekurang-kurangnya meredakan ancaman sasaran lanjutan buat sementara waktu. Walaupun perjanjian ini tidak memberikan sebarang kepastian terhadap dasar tarif masa depan, para penggubal dasar Malaysia berharap keistimewaan tersebut akan diterjemahkan kepada layanan istimewa di bawah tarif dera (*punitive tariff*) pada masa hadapan, khususnya dalam sektor semikonduktor.

Namun sebaliknya, perjanjian ini mengehadkan keupayaan Malaysia untuk membentuk perkongsian perdagangan yang lebih luas. Ia mengikat dasar perdagangan dan pelaburan masa hadapan kepada kepentingan strategik Amerika Syarikat, serta menjamin layanan dasar perdagangan setara bagi sektor masa hadapan seperti perkhidmatan digital. Walaupun Malaysia bukan satu-satunya negara yang mengejar perjanjian dua hala dengan Washington, langkah ini telah mengutamakan kepentingan individu berbanding kepentingan kolektif, serta mengalihkan sumber diplomatik daripada usaha memperkukuh perkongsian lebih mendalam dengan negara yang lebih sejajar dengan kepentingan pembangunan ekonomi Malaysia. Kepimpinan cemerlang

Malaysia dalam ASEAN tahun ini sedikit tercalar oleh perjanjian yang mencabar pemusatan ASEAN dan menjejaskan rakan serantau yang tidak mempunyai platform atau sumber untuk berunding sendiri, atau memilih untuk tidak menandatangani perjanjian yang berat sebelah sebegini.

Satu lagi aspek membimbangkan dalam perjanjian ini ialah penjajaran mendalam dan mengikat dengan sistem pentadbiran Amerika Syarikat pada ketika institusi tersebut sedang menghadapi kerosakan yang hampir tidak dapat diperbaiki. Malaysia diwajibkan menerima kelulusan daripada *US Food and Drug Administration (FDA)* dan agensi berkaitan bagi produk farmaseutikal, peranti perubatan dan makanan tertentu, serta mengiktiraf *US Department of Agriculture (USDA)* dan pihak pensijilan swasta bagi sistem halal dan keselamatan makanan. Walaupun langkah sedemikian lazimnya dialu-alukan untuk mempercepatkan import, penutupan kerajaan Amerika Syarikat yang berterusan dan serangan pentadbiran Trump terhadap institusi kerajaan serta perundangan menimbulkan keraguan besar terhadap kebolehpercayaan mereka sebagai penjaga kepentingan kesihatan, makanan dan keagamaan rakyat Malaysia.

Menariknya, sebarang penyelarasan peraturan yang mungkin positif ini hanya berlaku disebabkan tekanan luar, bukan melalui kerjasama dengan negara rakan. Selain pengiktirafan bersama piawaian di atas, ART turut merangkumi peruntukan berkenaan amalan kawal selia yang baik, daya saing syarikat berkaitan kerajaan (GLC), hak pekerja, dan perlindungan alam sekitar yang membawa Malaysia lebih sejajar dengan amalan terbaik dunia. Terdapat sedikit harapan bahawa ART dapat menjadi duluan bagi pengamalan lebih luas dalam kalangan negara anggota ASEAN dan rakan dagang lain.

Akhirnya, walaupun peruntukan akses pasaran seperti kadar tarif mendominasi tajuk utama, Malaysia tidak mempunyai banyak sebab untuk meraikannya. Malaysia telah menghapuskan tarif terhadap import dari Amerika Syarikat, namun jumlahnya sudah sedia kecil, malah lebih banyak konsesi dibuat dalam aspek lain perjanjian. Konsesi tersebut mengekalkan tarif sebanyak 19% ke atas pelbagai barangan eksport yang sebelum ini tidak dikenakan tarif sebelum Trump menjadi presiden. Ini termasuk barangan yang kini diraikan sebagai berkadar sifar di bawah ART. Lebih membimbangkan, tiada jaminan bahawa komitmen akses pasaran ini akan kekal sebagaimana dipersetujui, jika tarif baharu terhadap semikonduktor dikenakan kepada Malaysia pada masa hadapan, semua keuntungan yang dijangka daripada ART akan terhapus.

“Pada dasarnya, perjanjian ini tidak melalui proses pertanggungjawaban awam, menjejaskan kepentingan ekonomi serantau dan dunia Malaysia, serta mengikat dasar ekonomi negara kepada kepentingan strategik Amerika Syarikat sambil mengesahkan tarif 19% ke atas kebanyakan eksport Malaysia,” kata Dr Stewart Nixon, Timbalan Pengarah Penyelidikan IDEAS.

[TAMAT]

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker

Penolong Pengurus, Advokasi dan Program

ryannesh@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bebas dan bukan berasaskan keuntungan. Fokus IDEAS ialah mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam yang bertumpu kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan terhadap institusi, dan Malaysia sebagai negara yang merangkumi semua. Untuk maklumat lanjut, layari www.ideas.org.my